



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KAJIAN MENGENAI KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MALAYSIA



UPM CONSULTANCY & SERVICES
WHOLLY OWNED BY UPM HOLDINGS SDN BHD



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Putrajaya, 2024

Hak cipta / *Copyright* Kementerian Perpaduan Negara (KPN), 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of National Unity.

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

PASUKAN PENYELIDIK

PENAUNG

YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

PENASIHAT

YBrs. Tuan Mohamad Sobri Mat Daud
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

YBhg. Dato' Hj. Che Roslan Che Daud
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional

SEKRETARIAT KAJIAN

Bahagian Perhubungan Masyarakat
Kementerian Perpaduan Negara
Encik Billy Anak Valentine Jhir
Encik Haruramathever A/L Suppiah

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
Puan Suraya Wen
Puan Marlina Termudi
Puan Syadatul Amira Aminudin

PASUKAN PERUNDING

Profesor Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail
Profesor Madya Dr. Lee Yok Fee
Profesor Madya Dr. Ku Hasnita Ku Samsu
Profesor Madya Dr. Ratna Roshida Ab. Razak
Dr. Mohd Sabri Md. Nor
Dr. Arfah Ab. Majid
Dr. Zatul Himmah Adnan
Dr. Nora Ibrahim

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN MENGENAI KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MALAYSIA

PENGENALAN

Kajian Mengenai Kenyataan Berbaur Kebencian di Malaysia ini dijalankan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional melalui pelantikan pasukan perunding dari UPM Consultancy and Services Sdn Bhd (UPMCS). Kajian Sosial Kementerian Perpaduan Negara ini dibiayai oleh Kementerian Ekonomi di bawah peruntukan Rolling Plan Keempat Tahun 2024 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

TAKRIFAN

Kenyataan berbaur kebencian merujuk kepada segala bentuk komunikasi dalam pertuturan, penulisan atau perilaku yang menyerang, mengecam, mengutuk, mengeji, memfitnah, mendiskriminasi atau menjatuhkan pihak lain, berdasarkan identiti kelompok tertentu seperti agama, etnik, jantina, kewarganegaraan, OKU dan sebagainya.

OBJEKTIF KAJIAN

- mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat berkaitan kenyataan berbaur kebencian;
- mengenal pasti pengaruh kenyataan berbaur kebencian terhadap tingkah laku masyarakat;
- mengkaji kesan kenyataan berbaur kebencian kepada hubungan dan ketegangan etnik-agama;
- mencadangkan strategi dan langkah yang efektif bagi menangani isu berkaitan kenyataan berbaur kebencian.


METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah campuran, iaitu melalui pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Melalui kaedah kualitatif, tiga sesi perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) telah ditetapkan. Melalui kaedah kuantitatif, kajian dilaksanakan menggunakan borang soal selidik dengan mengunjungi tempat kediaman terpilih yang telah ditentukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Jumlah keseluruhan data kajian yang berjaya diperoleh melibatkan 907 responden.

DAPATAN KAJIAN


DEMOGRAFI

Jantina




Responden perempuan adalah seramai 381 orang (42.0%) dan lelaki adalah seramai 526 orang (58.0%).

Etnik




Jumlah responden: etnik Melayu 52.5%, Cina 18.5%, India 13.7%, Bumiputera Sarawak 6.0% dan Bumiputera Sabah 9.3%.

Umur




Majoriti responden terdiri daripada golongan belia yang berumur di antara 18 tahun - 40 tahun.


Agama



Majoriti responden beragama Islam, iaitu seramai 548 orang (60.5%).



Majoriti responden menggunakan masa 1 hingga 6 jam sehari melayari media sosial, iaitu 371 orang (40.9%).




Majoriti responden menggunakan aplikasi WhatsApp, Facebook, TikTok dan YouTube.

ANALISIS DESKRIPTIF


TAHAP KEFAHAMAN

Sederhana




Tahap kefahaman masyarakat terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial adalah tinggi, iaitu 3.87.

KESAN TERHADAP ETNIK DAN AGAMA




Kesan kenyataan berbau kebencian terhadap hubungan etnik adalah sangat tinggi, iaitu 4.32.

PENGARUH TERHADAP TINGKAH LAKU



Hasil kajian menunjukkan pengaruh kenyataan berbau kebencian sangat positif, positif dan neutral pada tahap tinggi, manakala pengaruh negatif pada tahap sederhana dan pengaruh sangat negatif pada tahap rendah.



Kesan kenyataan berbau kebencian terhadap hubungan agama adalah sangat tinggi, iaitu 4.20.



Strategi bagi menangani kenyataan berbau kebencian.

RUMUSAN

Kajian ini signifikan dalam menyumbang kepada komitmen Kerajaan Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs) PBB, khususnya SDGs ke-16 untuk memastikan keamanan dan keadilan terjamin. Hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha “menyatukan masyarakat dan membina perpaduan serta menjanjikan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua,” selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan dan Malaysia MADANI.

PENGENALAN

Kajian mengenai Kenyataan Berbaur Kebencian di Malaysia ini dijalankan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) melalui pasukan perunding UPM Consultancy and Services Sdn Bhd (UPMCS). Kajian ini menggunakan peruntukan Kajian Sosial Kementerian Perpaduan Negara yang dibiayai oleh Kementerian Ekonomi di bawah Rolling Plan Keempat Tahun 2024 Rancangan Malaysia Kedua Belas. Kajian ini bermula pada 07 Disember 2023 sehingga 06 Jun 2024.

Kajian ini amat signifikan dalam konteks masyarakat Malaysia yang bersifat multi-etnik, multi-agama, multi-sosiobudaya, multi-politik dan multi-dimensi dalam segenap aspek kehidupan.



Perihal berkaitan dengan kenyataan berbaur kebencian menjadi semakin penting, kritikal dan serius terutamanya dengan perkembangan serta kemajuan teknologi digital dan informasi terkini, serta peningkatan penggunaan media sosial. Media sosial bukan sahaja telah menjadi platform utama bagi tujuan komunikasi dan interaksi sosial, malah ia juga telah menjadi medium untuk penyebaran dan penularan kenyataan berbaur kebencian.

Tuntasnya, kajian ini dapat menyumbang kepada komitmen Kerajaan Malaysia terhadap **Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs) PBB**, khususnya **SDGs ke-16** untuk memastikan keamanan dan keadilan terjamin. Hasil kajian ini dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha “menyatukan masyarakat dan membina perpaduan serta menjanjikan kualiti hidup yang lebih baik untuk semua,” selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan dan Malaysia **MADANI**.

TAKRIF KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN

Kenyataan berbaur kebencian merujuk kepada sebarang bentuk ucapan, tulisan ataupun apa-apa bentuk komunikasi lain yang cuba menghina, mengutuk, mengecam, mengeji dan menjatuhkan pihak lain secara sengaja ataupun sebaliknya, dalam bentuk sindiran mahupun gurauan.

Biasanya kenyataan berbaur kebencian ini akan menyentuh perkara yang melibatkan sensitiviti awam dan mewujudkan provokasi tertentu terhadap pihak yang disasarkan.

Keadaan ini boleh mewujudkan sifat permusuhan, stereotaip, prasangka dan diskriminasi terhadap individu atau perkumpulan tertentu berdasarkan ciri-ciri identiti seperti bangsa, agama, etnik, jantina, orientasi seksual atau ciri-ciri lain yang sering menjadi pencetus lahirnya sesuatu konflik.

Selain itu, kenyataan berbaur kebencian bukan sahaja boleh menimbulkan kesan negatif yang serius dan luar jangka, tetapi menjadi toksik yang menjerus ke arah perselisihan, pertentangan, persengketaan, permusuhan, konflik dan keganasan antara kumpulan masyarakat yang berbeza.

PENGUKURAN KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian iaitu Bahagian A (biodata responden), Bahagian B (tahap kefahaman kenyataan berbau kebencian di media sosial); Bahagian C (pengaruh kenyataan berbau kebencian di media sosial terhadap tingkah laku masyarakat); Bahagian D (kesan kenyataan berbau kebencian di media sosial kepada hubungan dan ketegangan etnik-agama) dan Bahagian E (strategi menangani kenyataan berbau kebencian).

Secara keseluruhan, terdapat 115 item dalam instrumen kajian. Borang soal selidik ini telah dimurnikan dan diperkukuhkan bersama pakar rujuk dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada 11 Januari 2024. Selain daripada penggunaan data FGD, pembentukan instrumen ini turut merujuk kepada literatur dan kajian yang relevan mengenai pemahaman masyarakat pelbagai etnik berkaitan kenyataan berbau kebencian di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.



OBJEKTIF DAN PENGUKURAN

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai empat objektif berikut:

- (i) Mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat berkaitan kenyataan berbau kebencian di media sosial;
- (ii) Mengenal pasti pengaruh kenyataan berbau kebencian di media sosial terhadap tingkah laku masyarakat;
- (iii) Mengkaji kesan kenyataan berbau kebencian di media sosial kepada hubungan dan ketegangan etnik-agama;
- (iv) Mencadangkan strategi dan langkah yang efektif bagi menangani isu berkaitan kenyataan berbau kebencian dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaysia.

KEFAHAMAN

Kefahaman masyarakat terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial diukur dari aspek pengetahuan dan pemahaman responden yang berkaitan dengan sikap, bentuk, sasaran dan tujuan sesuatu kenyataan berbau kebencian dikeluarkan.

Terdapat 26 item untuk mengukur tahap kefahaman mengenai kenyataan berbau kebencian di Malaysia berdasarkan kajian daripada Paz et al., (2020); Howard, (2019); Fernandez, (2020); Ahmad, (2022); Azman, & Zamri, (2022); Darmalaksana, et al., (2021); Matamoros-Fernández, & Farkas, (2021); Tontodimamma, et al., (2021); Shafia, & Adnan, (2022) dan Nor, & Gale, (2021).

PENGARUH

Pengaruh kenyataan berbau kebencian terhadap tingkah laku masyarakat diukur berdasarkan sikap dan tindakan sebagai reaksi terhadap sesuatu kenyataan berbau kebencian. Pengaruh ini terbagi kepada lima (5) tahap utama, yaitu pengaruh sangat positif, positif, neutral, negatif dan sangat negatif.

Terdapat 33 item untuk mengukur pengaruh kenyataan berbau kebencian terhadap tingkah laku masyarakat berdasarkan kajian United Nations, (2019); Warner, & Hirschberg, (2012); Elliott, 2016; Zamri, et al., (2023); Sharma, (2019); Kasim, et al., (2022); dan Khan, et al., (2023).

KESAN

Kesan kenyataan berbau kebencian di media sosial bagi kajian ini memberikan fokus terhadap dua (2) komponen utama, iaitu hubungan etnik dan agama dalam masyarakat.

Kesan terhadap hubungan etnik melibatkan prasangka, stereotaip negatif, stigma dan diskriminasi yang menjejaskan hubungan antara etnik. Sementara itu, kesan terhadap agama melibatkan penafian terhadap agama lain.

Terdapat 15 item untuk mengukur kesan kenyataan berbau kebencian terhadap hubungan etnik dan 15 item untuk mengukur kesan kenyataan berbau kebencian terhadap agama dengan merujuk kepada kajian Kamaruddin, et al., (2018); Atikuzzaman, & Akter, (2023); Hoi, & Joh, (2024); Kok Seong, (2019) dan Mayasari & Cahya, (2021).

STRATEGI

Strategi dan langkah untuk menangani kenyataan berbau kebencian telah diukur berdasarkan kepada beberapa domain utama merangkumi pendidikan, keluarga, agama, media sosial, undang-undang, dasar kerajaan, kepimpinan masyarakat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan aspek penguatkuasaan.

Terdapat 14 item untuk mengukur strategi dan langkah dalam menangani kenyataan berbau kebencian berdasarkan kepada kajian Kurniawan, et al., (2023); Fino, (2020); United Nation, (2019); Ahmad, (2022); Yusof & Hassan, (2020); Matamoros-Fernández, & Farkas, (2021).



METODOLOGI KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini mengaplikasi kaedah campuran (*mixed method*), iaitu gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

KUALITATIF

Kaedah kualitatif melibatkan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) dan sesi libat urus pelan intervensi. Tiga sesi FGD telah dilaksanakan, iaitu FGD 1 (18 Disember 2023), FGD 2 (21 Disember 2023) dan FGD 3 (22 April 2024). FGD 1 dan FGD 2 dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat bagi pembinaan instrumen kajian. Manakala FGD 3 dilaksanakan untuk mendapatkan input berkenaan strategi dan langkah bagi menangani kenyataan berbau kebencian. Selain itu, satu sesi libat urus pelan intervensi bersama dengan pengarah JPNIN dan KPN dilaksanakan pada 9 Mei 2024.

KUANTITATIF

Kaedah kuantitatif mengaplikasi teknik survei menggunakan borang soal selidik yang diedar berdasarkan Blok Penghitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) yang dikeluarkan oleh pihak DOSM.

Melalui teknik survei ini kajian memfokuskan elemen kefahaman, pengaruh, kesan dan cadangan strategi daripada responden. Borang soal selidik yang dibentuk berdasarkan input daripada FGD 1 dan FGD 2, tinjauan literatur serta kajian lain yang relevan mengenai kenyataan berbau kebencian di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

PENSAMPELAN

Kaedah pensampelan bagi kajian ini adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). RPIK ini dijanakan untuk kegunaan Banci 2020.

Kajian ini dijalankan di seluruh negara melibatkan tiga belas (13) negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. Jumlah keseluruhan responden yang berjaya diperolehi adalah sebanyak 970 orang. Namun hanya 907 borang soal selidik sahaja yang lengkap dan diambil kira dalam kajian ini.

INSTRUMEN

Instrumen kajian mengenai kenyataan berbaur kebencian di Malaysia mengandungi 115 item yang meliputi empat (4) komponen utama.

Instrumen kajian telah dibangunkan dengan merujuk kepada pakar bidang melalui FGD, proses penandaarasan dan sorotan literatur yang merangkumi penyelidikan dari dalam dan luar negara.


Semua komponen utama pengukuran yang digunakan dalam kajian ini telah mencapai nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* melebihi 0.7 ke atas.

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Borang soal selidik telah diedarkan kepada warganegara Malaysia yang bermastautin di BP dan TK yang dikeluarkan oleh pihak DOSM, melibatkan responden berumur 18 tahun dan ke atas yang menggunakan media sosial.


MAKLUMAT DEMOGRAFI

NEGERI




Jumlah keseluruhan data yang dianalisis ialah seramai 907 responden. Taburan responden berdasarkan negeri adalah seperti berikut: 94 (10.4%) responden dari Johor, 38 (4.2%) Melaka, 44 (4.9%) Pahang, 46 (5.1%) Negeri Sembilan, 163 (18.0%) Selangor, 68 (7.5%) Perak, 45 (5.0%) Terengganu, 64 (7.1%) Kelantan, 69 (7.6%) Pulau Pinang, 71 (7.8%) Kedah, 24 (2.6%) Perlis, 71 (7.8%) Sabah, 48 (5.3%) Sarawak, 24 (2.6%) WP Kuala Lumpur, 26 (2.9%) WP Labuan dan 12 (1.3%) WP Putrajaya.

KAWASAN KEDIAMAN




Sebilangan besar responden tinggal di pinggir bandar, iaitu seramai 403 orang (44.4%). Seramai 317 orang (35.0%) tinggal di kawasan bandar dan seramai 187 orang (20.6%) tinggal di kawasan luar bandar.

JANTINA



Majoriti responden adalah terdiri daripada lelaki, iaitu seramai 526 orang (58.0%). Manakala, perempuan pula terdiri daripada 381 orang (42.0%).


UMUR



Berdasarkan kepada taburan umur responden yang diperoleh, majoriti responden terdiri daripada golongan belia yang berumur di antara 18 – 40 tahun, iaitu sebanyak 68.9 peratus. Namun begitu, kumpulan responden dari kategori umur lain juga turut terlibat dalam kajian ini.


*Kategori umur belia di Malaysia yang diguna pakai hari ini ialah di antara umur 15 hingga 40 tahun. Namun begitu, kajian ini memfokuskan kategori belia 18 tahun dan ke atas.

KUMPULAN ETNIK




Responden daripada kumpulan etnik Melayu dalam kajian ini adalah seramai 476 orang (52.5%), diikuti etnik Cina seramai 168 orang (18.5%), etnik India seramai 124 orang (13.7%), Bumiputera Sabah seramai 85 orang (9.3%) dan Bumiputera Sarawak pula seramai 54 orang (6.0%).

AGAMA



Taburan responden berdasarkan agama adalah seperti berikut: agama Islam 548 orang (60.5%), Buddha 158 orang (17.4%), Hindu 118 orang (13.0%), Kristian 81 orang (8.9%) dan Sikh 2 orang (0.2%).


PERSEKOLAHAN




Taburan responden yang mendapat pendidikan di sekolah kebangsaan adalah seramai 719 orang (79.4%), sekolah jenis kebangsaan adalah seramai 100 orang (11.0%), sekolah agama adalah seramai 43 orang (4.7%), sekolah swasta adalah seramai 31 orang (3.4%) dan seramai 14 orang (1.5%) yang tidak menandakan pada bahagian latar belakang persekolahan.

TAHAP PENDIDIKAN

Taburan responden berdasarkan tahap pendidikan adalah seperti berikut: MCE/SPM/setaraf seramai 291 orang (32.1%), tidak bersekolah 15 orang (1.7%), sekolah rendah/UPSR/setaraf 31 orang (3.4%), LCE/SRP/PMR/PT3/setaraf 125 orang (13.8%), HSC/STPM/Asasi/Matrikulasi/setaraf 69 orang (7.6%), Sijil/Sijil Kemahiran/setaraf 42 orang (4.6%), Diploma/setaraf 171 orang (18.9%), Ijazah Sarjana Muda/Sijil Profesional/setaraf 138 orang (15.2%), Ijazah Sarjana (Master) seramai 22 orang (2.4%) dan Doktor Falsafah (Ph.D) 3 orang (0.3%).



PEKERJAAN




■ Tidak bekerja ■ Kerajaan ■ Swasta ■ Pesara ■ Bekerja sendiri ■ Lain-lain


Sebahagian besar responden, iaitu seramai 302 orang (33.3%) bekerja di sektor swasta, tidak bekerja adalah seramai 142 orang (15.7%), bekerja di sektor kerajaan 130 orang (14.3%), pesara 48 orang (5.3%), bekerja sendiri 229 orang (25.2%) dan lain-lain bidang pekerjaan 56 orang (6.2%).

PENDAPATAN

Taburan responden berdasarkan pendapatan individu adalah seperti berikut: 258 orang (28.4%) berpendapatan di antara RM1,501-RM2,500, kurang daripada RM1,500, 236 orang (26.0%), tiada pendapatan 136 orang (15.0%), RM2,501-RM3,500, 127 orang (14.0%), RM3,501-RM4,500, 68 orang (7.5%), RM4,501-RM5,500, 34 orang (3.7%), RM5,501-RM6,500, 21 orang (2.3%), RM6,501-RM7,500, 17 orang (1.9%), RM7,501-RM8,500, 3 orang (0.3%), RM8,501-RM9,500, 3 orang (0.3%), RM9,501-RM10,500, 2 orang (0.2%), RM10,501-RM11,500 dan RM11,501 masing-masing 1 orang (0.1%).




PLATFORM MEDIA SOSIAL



Taburan responden berdasarkan kekerapan penggunaan platform media sosial adalah seperti berikut: 756 orang (83.4%) menggunakan aplikasi *WhatsApp* sebagai medium media sosial utama, 648 orang (71.4%) menggunakan *Facebook*, 583 orang (64.3%) menggunakan *TikTok*, 419 orang (46.2%) menggunakan *YouTube*, 338 orang (37.3%) menggunakan *Instagram*, 245 orang (27.0%) menggunakan *Telegram*, 86 orang (9.48%) menggunakan Aplikasi X, 25 orang (2.76%) menggunakan *Snapchat* dan 22 orang (2.43%) menggunakan *WeChat*. Berdasarkan taburan platform media sosial yang kerap digunakan, majoriti responden menggunakan aplikasi *WhatsApp*, *Facebook*, *TikTok* dan *YouTube*.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SEHARI



Sebahagian besar responden, iaitu seramai 371 orang (40.9%) menggunakan media sosial dalam tempoh 1 hingga 3 jam sehari, seramai 240 orang (26.5%) menggunakan media sosial dalam tempoh 4 hingga 6 jam sehari, seramai 175 orang (19.3%) menggunakan media sosial dalam tempoh kurang daripada 1 jam dalam sehari, seramai 77 orang (8.5%) menggunakan media sosial dalam tempoh 7 hingga 9 jam sehari, seramai 43 orang (4.8%) menggunakan media sosial dalam tempoh lebih daripada 9 jam sehari dan seorang (0.1%) responden sahaja yang tidak menggunakan media sosial.

TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT MALAYSIA TENTANG KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MEDIA SOSIAL

Nilai min bagi tahap kefahaman keseluruhan adalah pada nilai 3.87, iaitu pada tahap tinggi.


Spesifiknya, dapatan kajian menunjukkan hanya sebahagian kecil responden mempunyai tahap kefahaman yang sangat tinggi.

Nilai min item yang paling tinggi adalah pada nilai 4.20, iaitu merujuk kepada kenyataan berbau kebencian yang bertujuan untuk menimbulkan kemarahan pihak lain, memalukan pihak lain dan mencela pihak tertentu.

Manakala, nilai min item yang paling rendah pula adalah pada nilai 3.57, iaitu kenyataan berbau kebencian berkaitan dengan penghinaan terhadap institusi raja.

Meskipun nilai min tersebut adalah paling rendah, namun ia masih lagi berada dalam kategori tinggi.

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia telah mempunyai tahap kefahaman yang baik terhadap perkara yang berkaitan dengan kenyataan berbau kebencian.




Tahap kefahaman masyarakat terhadap kenyataan berbau kebencian di media sosial adalah tinggi, iaitu 3.87.

PENGARUH KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU MASYARAKAT

Pengaruh	Pengaruh Sangat Positif	Pengaruh Positif	Pengaruh Neutral	Pengaruh Negatif	Pengaruh Sangat Negatif
Min	3.52	3.70	3.28	2.63	1.93

Pengaruh kenyataan berbau kebencian di media sosial diukur berdasarkan kepada sikap dan tindakan yang positif dan negatif. Sebanyak 33 item digunakan untuk mengukur pengaruh kenyataan berbau kebencian terhadap tingkah laku masyarakat, iaitu pengaruh sangat positif, positif, neutral, negatif dan sangat negatif.

Di antara lima kategori pengaruh yang diukur, pengaruh positif memiliki nilai min yang paling tinggi, iaitu pada nilai 3.70. Sementara itu, pengaruh sangat negatif adalah paling rendah dengan nilai min 1.93. Nilai min pengaruh sangat positif adalah 3.52, pengaruh positif dengan nilai min 3.70 dan pengaruh neutral dengan nilai min 3.28. Ketiga-tiga pengaruh tersebut berada pada tahap yang tinggi. Manakala pengaruh negatif adalah pada nilai min 2.63 adalah pada tahap sederhana dan pengaruh sangat negatif dengan nilai min 1.93 adalah pada tahap rendah.



Berdasarkan kepada hasil analisis statistik, kajian ini merumuskan bahawa kenyataan berbau kebencian di media sosial bukan sahaja membawa pengaruh negatif tetapi turut membawa pengaruh positif di mana wujud sikap dan tindakan untuk mencegah penularan kenyataan berbau kebencian. Pengaruh negatif terhadap tingkah laku masyarakat walaupun kecil tetapi tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh membawa implikasi yang besar terhadap hubungan etnik dan agama.

KESAN KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MEDIA SOSIAL TERHADAP HUBUNGAN DAN KETEGANGAN ETNIK DI MALAYSIA

Kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap hubungan dan ketegangan etnik di Malaysia menjadi salah satu fokus utama kajian ini. Hal ini kerana kenyataan berbaur kebencian mempunyai implikasi yang besar terhadap keharmonian masyarakat kepelbagaian di Malaysia.

Dalam mengenal pasti kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap hubungan etnik, kajian ini menggunakan 15 item bagi mengukur kesan tersebut.

Hasil kajian menunjukkan kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial adalah sangat tinggi terhadap hubungan etnik dengan nilai min keseluruhan 4.32. Nilai min item yang paling tinggi adalah pada nilai 4.46, iaitu kesan yang membawa kepada perpecahan masyarakat, diikuti dengan kesan yang mewujudkan pengasingan etnik dengan nilai min 4.41, dan seterusnya kesan yang menjadi punca kepada keganasan antara etnik dengan nilai min 4.38.

Sementara itu, nilai min item yang paling rendah ialah 4.20, iaitu merujuk kepada wujudnya gambaran negatif (stereotaip negatif) terhadap etnik lain.

Dari itu kajian ini mengesahkan bahawa kenyataan berbaur kebencian di media sosial mempunyai implikasi yang negatif terhadap hubungan antara etnik. Ini bermakna masyarakat kepelbagaian di Malaysia faham bahawa kenyataan berbaur kebencian boleh mewujudkan ketegangan antara etnik dan menjejaskan perpaduan nasional.



Kesan kenyataan berbaur kebencian terhadap hubungan etnik adalah sangat tinggi, iaitu 4.32.

KESAN KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN DI MEDIA SOSIAL TERHADAP HUBUNGAN AGAMA DALAM MASYARAKAT DI MALAYSIA


Kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap hubungan agama merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi keharmonian masyarakat kepelbagaian di Malaysia.

Dalam mengukur kesan kenyataan berbaur kebencian di media sosial terhadap hubungan agama, kajian ini menggunakan 15 item sebagai indikator pengukuran. Hasil kajian menunjukkan kesan terhadap hubungan agama adalah sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.20. Kajian ini mendapati 14 daripada 15 item yang diukur berada pada nilai min yang sangat tinggi, iaitu 4.0 dan ke atas.

Nilai min item yang paling tinggi adalah pada nilai 4.45, iaitu membawa kepada sikap tidak toleransi antara agama, diikuti dengan nilai min 4.40, iaitu mengakibatkan wujud prasangka terhadap penganut agama lain.

Manakala, nilai min yang paling rendah ialah 3.65, iaitu membawa kepada tindakan keganasan penganut antara agama.

Hasil kajian keseluruhan menunjukkan bahawa masyarakat multi-agama Malaysia melihat kenyataan berbaur kebencian membawa kesan negatif yang sangat tinggi terhadap hubungan agama. Hal ini bermakna masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi tentang ancaman kenyataan berbaur kebencian ke atas keharmonian masyarakat.



Kesan kenyataan berbaur kebencian terhadap hubungan agama adalah sangat tinggi, iaitu 4.20.

STRATEGI DAN LANGKAH BAGI MENANGANI KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN

Dalam usaha untuk membendung kenyataan berbaur kebencian di media sosial, strategi dan langkah yang holistik amat diperlukan. Justeru itu, kajian ini menyenaraikan 12 item utama untuk mengenal pasti strategi dan langkah yang sesuai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi dan langkah yang dicadangkan untuk menangani kenyataan berbaur kebencian berada pada tahap persetujuan yang sangat tinggi, iaitu dengan nilai min keseluruhan 4.20.

Nilai min item yang paling tinggi ialah 4.59, iaitu strategi menjalankan kempen kesedaran menerusi institusi pendidikan. Manakala nilai min item yang paling rendah ialah 4.36, iaitu memperkasakan peranan keluarga dalam memberi contoh teladan yang terbaik kepada anak-anak.

Kajian ini mendapati sebilangan besar masyarakat kepelbagaian di Malaysia berpandangan bahawa semua strategi dan langkah yang dicadangkan amat baik untuk dilaksanakan bagi membendung kenyataan berbaur kebencian di media sosial. Maka semua domain yang disenaraikan mencakupi institusi pendidikan, keluarga, dasar kerajaan, undang-undang negara, penguatkuasaan, media sosial, pemimpin masyarakat, NGO dan institusi agama perlu diberikan perhatian khusus oleh pihak berwajib khususnya Kementerian Perpaduan Negara dalam mencegah sebarang bentuk kenyataan berbaur kebencian di media sosial.





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL



MENANGANI KENYATAAN BERBAUR KEBENCIAN



UPM CONSULTANCY & SERVICES
WHOLLY OWNED BY UPM HOLDINGS SDN BHD



SENARAI DOMAIN

- **PENDIDIKAN DAN ILMU**
- **PERANAN KELUARGA**
- **AGAMA LANDASAN HIDUP**
- **UNDANG-UNDANG**
- **DASAR KERAJAAN DAN KEPIMPINAN NEGARA**
- **PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL**

TIP PENDIDIKAN & ILMU



Katakan tidak kepada kebencian, sambutlah tangan tanda perdamaian

Kebencian membawa kepada perpecahan dan persengketaan dalam masyarakat. Dengan menolak kebencian, kita dapat hidup dalam suasana yang harmoni, aman damai dan saling menghormati antara satu sama lain.



Baik dalam berbicara, bijak dalam bertindak, ilmu menjadi pedoman

Berbicara dengan sopan santun dan bersusila, bertindak dengan bijaksana berasaskan ilmu sebagai pegangan yang mencerminkan keperibadian mulia.



Jangan biarkan kata-kata kebencian meracuni hati, fikir sebelum berucap

Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya. Apabila bercakap elakkan kata-kata negatif yang boleh menyakiti hati orang lain serta gunakan kebijaksanaan dalam pertuturan dan interaksi.



Adab berilmu, ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk

Semakin banyak kita menuntut ilmu, semakin tinggi pencapaian yang kita miliki, semakin mendalam erti kehidupan, semakin patut kita bersikap rendah diri. Sikap sombong hanya akan merugikan diri sendiri dan merusakkan hubungan dengan orang lain.



Perkataan yang baik adalah sedekah, jaga tutur kata banyak faedah

Mengucapkan perkataan yang baik dianggap sebagai satu bentuk sedekah dan amalan mulia. Tutur kata yang baik dapat membawa manfaat bersama dan memperkukuh jalinan persaudaraan sesama insan.



Lidah lebih tajam daripada mata pedang, kebencian membawa kehancuran, pentingnya pendidikan moral dan akhlak dalam melahirkan insan beretika

Menjaga pertuturan dan tingkah laku kita dapat menghindari ucapan kebencian dan mengekalkan keharmonian dalam masyarakat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap insan untuk menghayati pendidikan moral dan akhlak mulia dalam melahirkan masyarakat yang beretika, beradab dan berakhlak.

TIP PERANAN KELUARGA



Pantau penggunaan media sosial, tanggungjawab ibu bapa

Keluarga perlu memantau penggunaan media sosial dalam kalangan anak-anak mereka supaya tidak berlaku penyalahgunaan peranti dan terlibat dalam mengeluarkan sebarang bentuk kenyataan berbaur kebencian.



Didik anak menguruskan masa dengan baik agar tidak melakukan sesuatu yang tidak berfaedah

Menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak untuk mengurus masa penggunaan peranti dengan bijak, pemangkin amalan keluarga bahagia. Pengurusan masa dapat menghindari perbuatan yang tidak berfaedah seperti mengeluarkan ucapan kebencian.



Normalisasikan ucapan yang baik, hindari sifat negatif, elak kebencian

Keluarga perlu mendidik anak-anak untuk membudayakan penggunaan kata-kata yang baik, mengelakkan sebarang bentuk gejala negatif bagi mencegah kebencian dan kemudaratan.




Ibu bapa tunjang keluarga prihatin

Ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan nilai murni dalam diri anak-anak. Sebagai tunjang keluarga, ibu bapa perlu memberikan contoh teladan yang baik, membimbing dan mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang dan keprihatinan.



Elak persengketaan, keluarga muafakat membawa berkat, masyarakat selamat

Persengketaan akan membawa perpecahan dan kebinasaan. Hidup keluarga yang muafakat membawa berkat dan kebaikan kepada semua pihak, menjamin masyarakat yang selamat.



Santuni masyarakat dengan berhemah, didikan keluarga penuh hikmah

Berhemah dalam berinteraksi dengan masyarakat akan melahirkan rasa hormat terhadap orang lain. Sikap ini bermula dengan keluarga dalam mendidik hubungan yang baik dan mempertaut ikatan sosial yang harmoni.

TIP AGAMA LANDASAN HIDUP

Agama benci orang yang membenci, agama suka orang yang menyayangi



Agama mengajar kita untuk menjauhi sifat kebencian kerana boleh membawa kepada perpecahan dan konflik. Sebaliknya, agama menggalakkan kita untuk sayang menyayangi sesama insan, menghormati satu sama lain dan hidup bertoleransi sebagai teras amalan mulia.

Amalkan nilai murni dalam kehidupan, teras agama jadikan panduan



Nilai-nilai murni seperti kejujuran, keadilan dan kasih sayang adalah inti kepada ajaran agama yang cukup penting untuk menangani kebencian. Mengamalkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian membantu kita membina keperibadian yang baik dan masyarakat yang sejahtera. Teras agama harus dijadikan panduan dalam setiap aspek kehidupan terutamanya yang melibatkan hubungan sesama insan.



Hormati perbezaan, hargai kebersamaan, nikmati keharmonian

Setiap agama mengajar kita untuk menghormati perbezaan yang wujud antara manusia, baik dari segi agama, budaya atau pandangan. Dengan menghargai kebersamaan antara individu yang berbeza, kita dapat menikmati keharmonian, kedamaian dan menghindari kenyataan berbau kebencian.




Tidak menyentuh sensitiviti agama

Adalah menjadi tanggungjawab setiap penganut agama untuk menghormati agama lain dan tidak menyentuh isu sensitif demi menjaga keharmonian masyarakat. Perbincangan topik yang berkaitan dengan sensitiviti agama secara terbuka perlu dielakkan kerana boleh menimbulkan ketegangan, persengketaan dan konflik.



Mengutamakan prinsip keagamaan dalam kehidupan seharian

Prinsip keagamaan dalam konteks hubungan sesama manusia menekankan amalan hormat menghormati, empati dan mengucapkan kata-kata yang baik. Prinsip tersebut dapat membimbing kita dalam menjalani kehidupan seharian yang harmoni.



Jangan mencampuri urusan agama lain, fokus tanggungjawab agama sendiri

Dalam masyarakat kepelbagaian, kita perlu menghormati perbezaan kepercayaan dan praktis agama lain tanpa menafikan atau memperkecilkan nilai agama sendiri. Campur tangan atau konflik antara agama boleh membawa kepada ketegangan sosial dan konflik yang boleh meruntuhkan keharmonian masyarakat.

TIP UNDANG-UNDANG

Hormati Perlembagaan Persekutuan, patuhi Undang-undang Negara



Kita perlu mematuhi dan menghormati Perlembagaan Persekutuan serta undang-undang negara bagi memastikan kestabilan, keadilan dan kemakmuran negara terjamin. Kepatuhan kepada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang dapat memupuk kesetiaan kepada negara, menegakkan demokrasi dan mencegah kenyataan berbaur kebencian.

Mematuhi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998



Patuhi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi memastikan penyebaran maklumat dilakukan secara bertanggungjawab, tanpa menyebarkan fitnah ataupun maklumat yang kurang tepat. Akta ini menegakkan integriti maklumat dan mencegah penyalahgunaan platform dalam talian demi kesejahteraan bersama.



Fahami Akta Hasutan 1948, jaminan kedamaian

Adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memahami Akta Hasutan 1948 yang melarang ucapan berkecenderungan untuk menghasut kebencian terhadap pemerintah, raja dan mana-mana kumpulan etnik atau agama. Kefahaman yang menyeluruh terhadap akta ini akan menjamin kedamaian semua pihak.

Kanun Keseksaan Seksyen 298 dan 298A menjadi panduan cegah ucapan kebencian



Kanun Keseksaan Seksyen 298 dan 298A melarang ucapan atau tindakan yang sengaja menghina agama atau menyebabkan perpecahan antara kumpulan agama. Mematuhi kanun ini dapat mencegah ucapan kebencian terhadap mana-mana agama dan menjamin kebebasan beragama.

Penguatkuasaan menyeluruh dalam menapis kandungan sensitif



Langkah penguatkuasaan yang teliti dan terperinci diperlukan untuk mengawal dan mengurus kandungan di media sosial yang menyentuh sensitiviti awam, menimbulkan kontroversi, ketegangan atau kebencian dalam masyarakat. Penguatkuasaan ketat dapat mencegah kenyataan berbaur kebencian daripada terus menular dan menimbulkan kekeliruan.

TIP DASAR KERAJAAN & KEPIMPINAN NEGARA



Cegah kebencian sebelum parah, teraju kerajaan asas muhibbah

Tanggungjawab kerajaan untuk mencegah sebarang kenyataan berbaur kebencian sebelum ianya berleluasa dan menjadi barah dalam masyarakat. Para pemimpin utama negara berperanan dalam memperjuangkan nilai-nilai keharmonian, kepelbagaian dan toleransi yang tinggi antara kumpulan etnik, agama dan wilayah.

Amalkan prinsip Rukun Negara, hidup aman kekal sejahtera

Rukun Negara adalah ideologi nasional yang menjadi landasan untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat kepelbagaian di Malaysia. Mengaplikasikan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian dapat mencapai keamanan dan kesejahteraan yang berterusan, hidup secara aman harmoni, hormat menghormati antara satu sama lain tanpa mengira perbezaan agama, budaya atau latar belakang etnik.

Jauhi sikap 'cakap tak serupa bikin'

Pemimpin harus konsisten antara apa yang mereka katakan dengan apa yang mereka lakukan. Menghindari amalan 'cakap tak serupa bikin' dapat mengelakkan cetusan rasa tidak puas hati, kecaman, kritikan dan sindiran yang berbaur kebencian. Cakap serupa bikin akan membantu membina kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap pemimpin.

Kepimpinan Melalui Teladan

Kepimpinan yang berkesan adalah melalui teladan yang baik. Pemimpin harus menunjukkan contoh yang positif dalam mengeluarkan kata-kata yang baik dan adil. Apabila pemimpin mengamalkan ucapan yang baik, akan menjadi inspirasi kepada orang lain.

Pemimpin berperanan mempromosikan perpaduan dan mengelakkan ucapan berbaur kebencian.

Ucapan pemimpin mempunyai pengaruh yang besar terhadap masyarakat. Oleh itu, pemimpin perlu menggunakan platform mereka untuk mempromosikan perpaduan dan keharmonian. Menghindari ucapan yang berbaur kebencian dapat membantu mencegah perpecahan dan konflik dalam masyarakat.

Kerajaan dan NGO perlu berganding bahu mencegah kebencian

Kerajaan dan NGO perlu bekerjasama dalam menangani kenyataan berbaur kebencian melalui penyelidikan dan pemantauan bersama, pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran awam, pembangunan strategi dan dasar, intervensi dan sokongan, memantau penyampaian maklumat dan penggunaan media. Kerjasama antara kerajaan dan NGO amat penting dalam memperluas sumber daya, pengetahuan dan kepakaran untuk menangani kenyataan berbaur kebencian.



TIP PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL



Amalkan S.U.R.E – S-Sources, U-Understand, R-Research, E-Evaluate

Tak pasti jangan kongsi – mesti tahu sumber, fahami kandungan, selidiki terlebih dahulu dan membuat penilaian dengan bijaksana.

Sebarkan kasih sayang, kalahkan kebencian

Dengan menyebarkan elemen kasih sayang, keprihatinan dan persefahaman, kita bersama cegah kebencian akan mewujudkan keindahan hidup yang bahagia dan harmoni dalam masyarakat.



Peka kepada isu sensitif (3R)

Hidup dalam suasana kepelbagaian, kita perlu peka terhadap isu-isu sensitif yang melibatkan Race (Kaum), Religion (Agama) dan Royalty (Raja). Dengan menghormati dan cakna isu-isu sensitif ini, kita dapat elakkan stereotaip negatif dan sikap prejudis demi menjaga keharmonian dan keamanan dalam masyarakat.

Menggunakan media sosial dengan beretika



Adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menggunakan media sosial dengan penuh etika, bersopan santun dan bersusila bagi mencegah kenyataan berbaur kebencian. Beretika merangsang diri untuk menghormati orang lain, mengelakkan penyebaran berita palsu, tidak menyebarkan kebencian atau menimbulkan provokasi dalam masyarakat.



Elakkan kata-kata provokatif dan sensitif

Menghindari penggunaan kata-kata yang provokatif dan sensitif dapat mencegah konflik, ketegangan dan persengketaan. Berbicara dengan tertib, menjaga budi bahasa dan menggunakan media sosial dengan berhemah dapat menghormati perasaan orang lain, menjadi pemangkin keharmonian yang holistik.



Fikir sebelum komen, viralkan yang positif, hentikan yang negatif

Sebelum memberikan sesuatu komen di media sosial, adalah penting untuk kita fikir implikasinya terlebih dahulu yang mungkin boleh menyebabkan salah faham, salah interpretasi dan konflik. Kita perlu berganding bahu viralkan sesuatu yang positif dan bersama hentikan segala yang negatif.



Bertanggungjawab terhadap kandungan dan maklumat yang disebarkan

Amat penting untuk kita mengambil tanggungjawab dalam memastikan bahawa maklumat yang disebarkan adalah benar dan bermanfaat. Menyebarkan sesuatu maklumat palsu atau tidak tepat boleh menyebabkan kekeliruan dan menimbulkan salah faham dalam masyarakat.

RUMUSAN

Secara umumnya kajian ini merumuskan bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat kepelbagaian di Malaysia adalah tinggi tanpa mengira latar belakang individu ataupun persekitaran sosial mereka.

Penggunaan media sosial yang tinggi mendedahkan mereka kepada pelbagai bentuk maklumat, informasi, berita, liputan, hiburan dan pelbagai lagi kecanggihan teknologi dengan cepat dan terkini.

Pada masa yang sama mereka turut terdedah kepada pelbagai bentuk maklumat dan informasi yang betul mahupun salah, baik mahupun buruk, berbentuk provokasi atau sebaliknya, berita benar mahupun palsu, fitnah atau realiti dan bermacam lagi.

Dalam keasyikan bermedia sosial, mereka turut terdedah dengan pelbagai bentuk kenyataan berbaur kebencian, yang boleh memecah-belahkan dan mewujudkan ketidakharmonian dalam masyarakat.

Hasil kajian ini membuktikan hanya sebilangan kecil sahaja masyarakat Malaysia yang menerima pengaruh sangat negatif terhadap kenyataan berbaur kebencian, sebahagian besar masyarakat pula menerima pengaruh dalam konteks yang positif.

Ini kerana masyarakat kepelbagaian di Malaysia rata-ratanya telah memahami konteks sebenar kenyataan berbaur kebencian dan sedar akan kesan negatif terhadap hubungan dalam pelbagai kumpulan etnik dan perbezaan anutan agama.


Akan tetapi, walaupun hanya sebilangan kecil yang menerima pengaruh dalam konteks yang sangat negatif, perkembangan ini tidak boleh dipandang ringan kerana ‘nila setitik boleh merosakkan susu sebelanga’, ‘api yang kecil sekiranya tidak dikawal boleh merebak menjadi besar’.

Dari itu, strategi dan langkah yang efektif perlu diambil bagi membendung kenyataan berbaur kebencian di media sosial melalui institusi pendidikan, keluarga, dasar kerajaan, undang-undang negara, penguatkuasaan, media sosial, pemimpin masyarakat, NGO dan institusi agama.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

STUDY ON HATE SPEECH IN MALAYSIA



UPM CONSULTANCY & SERVICES
WHOLLY OWNED BY UPM HOLDINGS SDN BHD



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

